

12 SEP 2001

DR MAHATHIR BATAL LAWATAN KE RUSIA DAN JERMAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membatalkan lawatannya ke Rusia dan Jerman ekoran serangan terhadap bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada Selasa.

"Keputusan itu dibuat pagi ini," kata Penolong Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Sufi Yusuf apabila dihubungi hari ini.

Perdana Menteri malam tadi membuat keputusan di saat-saat akhir untuk membatalkan lawatan ke Britain kerana ketidaktentuan yang timbul ekoran serangan di New York dan Washington dan penutupan semua lapangan terbang di Amerika Syarikat.

Dr Mahathir juga berpendapat buat masa ini semua pemimpin Eropah pasti sibuk dengan kejadian itu.

Dr Mahathir yang dijadualkan berlepas pada 11 malam tadi sepatutnya singgah di London sebelum ke Russia bagi lawatan rasmi empat hari bermula Rabu diikuti lawatan tiga hari ke Jerman.

-- BERNAMA

HS HS PR